



# Asas elektrik dan elektronik (bateri)

## Pengenalan

Untuk siri ini, kita akan bermula dengan pengenalan inovasi elektrik-elektronik.

Banyak perkara-perkara di sekeliling kita menggunakan elemen-elemen berkaitan elektrik dan elektronik.

Bagi pembaca yang baru berjinak dengan dunia elektrik-elektronik ini, asas perkara ini amat penting untuk dipelajari dan difahami agar ia tidak menjadi satu perkara yang asing.

Sekurang-kurangnya ramai di antara kita yang akan celik elektrik-elektronik.

Bagaimana canggih sekali pun dunia siber sekarang, asasnya tetap sama.

Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama mempelajari sedikit sebanyak agar dapat menambah pengetahuan.

Tenaga elektrik adalah nadi yang terpenting dalam menjana sistem elektrik dan elektronik.

Oleh yang demikian marilah kita mengenali asas tersebut terlebih dahulu.

Bateri 1.5v (Volt) banyak digunakan untuk lampu picit, alat kawalan jauh televisyen, radio dan sebagainya.

Bateri 12v biasanya digunakan untuk kenderaan seperti kereta dan Lori. Walaupun saiznya berbeza namun ia tetap menjana tenaga sebanyak 12v.

Bateri 6v digunakan pada motosikal dan bateri 9v digunakan untuk pelbagai alat.



BATERI 9V



BATERI 1.5V



BATERI 12V

● Maklumat lanjut, sila lawati laman web [www.zulidesign.com.my](http://www.zulidesign.com.my) dan boleh e-melkan sebarang pertanyaan ke [zul@zulidesign.com](mailto:zul@zulidesign.com)